

04/11/2001

In Conversation cangkil wawasan pemimpin Asean

Hazirah Che Sab

SELEPAS Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tetamu sulung program bual bicara In Conversation, kini giliran Perdana Menteri Thailand, Dr Thaksin Shinawatra pula diundang.

Edisi kedua program yang dijayakan empat stesen televisyen Asean itu akan menemui penonton selama sejam mulai jam 9.00 malam, Selasa ini. Di Malaysia, penonton berpeluang mengikuti temu bual dengan Dr Thaksin menerusi TV3.

Tiga stesen TV Asean lain - ABS-CBN (Manila), RCTI (Jakarta) dan iTV (Bangkok) turut menyiarkan temu ramah itu secara berasingan.

Seperti In Conversation pertama dengan Dr Mahathir, September lalu, In Conversation kedua juga mengekalkan empat ahli panel yang sama, masing-masing mewakili stesen TV serantau yang menjalin kerjasama strategik untuk mendedahkan pemimpin Asean secara langsung kepada komuniti rantau ini.

Mereka ialah Pengurus Besar Kanan, Bahagian Berita dan Ehwat Semasa TV3, Chamil Wariya yang juga penyelarass In Conversation bagi pihak keempat-empat stesen TV.

Yang lain, Korina Sanchez, Ketua Koresponden dan Peneraju Berita ABS-CBN Manila, Roy Tindage, Penerbit Berita Eksekutif, RCTI Jakarta dan Chib Jitniyom, Pengarang Berita Luar Negara, iTV, Bangkok.

Rakaman dengan Perdana Menteri Thailand diadakan di studio iTV Bangkok, 18 Oktober lalu.

Dalam temu ramah itu, beliau ditanya mengenai pelbagai bidang. Selain hubungan dua hala antara Thailand dengan negara Asean lain, In Conversation dengan Thaksin itu turut menyentuh cerita kejayaan Thailand setakat ini, politik dalam negara, dasar baru pelaburan Thailand dan iktibar krisis kewangan 1997, pandangan mengenai masa depan Asean dan kerjasama ekonomi serantau, globalisasi, kuasa besar dan rantau ini.

Sebagai sebuah program bual bicara semasa dalam bahasa Inggeris, sambutan yang diberikan terhadap In Conversation yang disiarkan keempat-empat stesen TV yang mengambil bahagian amat menggalakkan.

Contohnya, In Conversation dengan Perdana Menteri Malaysia pada 2 Oktober lalu menempatkan sebagai salah satu daripada 10 program yang paling ramai ditonton sepanjang minggu itu.

Menurut AC Nielson, sebuah syarikat pemantau bebas di negara ini, program itu ditonton hampir sejuta orang. Kebanyakan mereka terdiri daripada elit masyarakat dan apa yang dipanggil opinion leaders.

RCTI, iTV dan ABS-CBN juga melaporkan sambutan yang positif. Malah untuk membantu penonton yang tidak faham Bahasa Inggeris, selain temu ramah, terjemahan sari kata dalam bahasa Thai, Indonesia dan Tagalog juga dibuat.

Beberapa stesen TV antarabangsa turut menyatakan minat mengenai In Conversation ini. Mereka menyatakan hasrat untuk menyiarkan program itu, baik secara keseluruhan atau petikan.

Antaranya, Channel News Asia, stesen TV satelit yang beroperasi di Singapura dan CNN yang menyatakan kesediaan untuk menyiarkan petikan temu ramah dengan para pemimpin Asean. Masing-masing telah mengutus surat kepada TV3 bertanyakan program itu.

Oleh kerana In Conversation adalah rancangan temu bual pertama membabitkan empat stesen TV terkemuka Asean, setiap satu mewakili bilangan penduduk yang ramai, usaha kerjasama itu turut membuka mata media asing antarabangsa yang lain. Ada yang memandang sinis usaha ini, atau juga yang menyambutnya secara positif.

BBC World Service, siaran radio yang beroperasi di London menyiarkan satu rancangan mengenai In Conversation dengan menemu ramah peneraju bilik berita stesen TV yang terbabit.

Selain itu, pada sidang tahunan News World Conference di Barcelona, Sepanyol pada 13 dan 16 November 2001, Chamil Wariya, selaku penyelar In Conversation, diundang membentangkan satu kertas kerja mengenai program itu dalam konteks meliputi berita antarabangsa dan usaha menampilkan imej sebenar negara membangun, satu kes studi kerjasama bilik berita stesen TV Asean.

Sebagai kesimpulan pada keseluruhan, walaupun baru memasuki dua siri, In Conversation, dapat menangkap imaginasi pelbagai pihak, terutama dunia penyiaran antarabangsa. Dalam sejarah 17 tahun TV3, malah dunia penyiaran negara ini, ini adalah kali pertama sebuah program terbitan mana-mana stesen TV Malaysia menarik minat yang begitu besar.

Untuk edisi ketiga In Conversation, tetamunya ialah Presiden Filipina, Gloria Arroyo Macapagal yang sudah memberikan persetujuan untuk ditemu ramah bulan depan.

Sebenarnya, kira-kira 300 juta penduduk di 10 negara Asean dahagakan laporan yang adil dan benar serta analisis perkara di negara jiran mereka.

Tiga tahun selepas putaran akhbar Asia membentuk Asia News Network untuk berkongsi cerita, empat stesen televisyen swasta memulakan langkah mencuba membetulkan ketidakseimbangan dalam media mereka.

Chamil berkata agenda program itu amat mudah: "Kami rasa adalah perlu suara pemimpin di rantau ini didengar oleh penduduk rantau ini. Pada pandangan saya, ia tidak dilakukan dengan sempurna kecuali apabila ada krisis," katanya.

Penerbit Berita Eksekutif RCTI, Roy Tindage, bersetuju yang program seperti In Conversation amat diperlukan.

"Pemimpin kami sudah ditemu bual oleh media Barat tetapi belum pernah dilakukan oleh media di Asia Tenggara kecuali stesen televisyen negara masing-masing.

"Kami rasa ia cara yang baik untuk penduduk rantau ini mendapat gambaran mengenai negara lain di Asia Tenggara ini melalui media dari rantau ini.

"Kerap benar penduduk terdahulu mendapat berita melalui media seperti CNN, BBC, Reuters atau AP yang mempunyai agenda Barat masing-masing. Kini, ada perseimbangan; Asia Tenggara memberikan gambaran masing-masing mengenai cerita masing-masing.

Temu bual dengan Dr Mahathir berlangsung 90 minit dan setiap stesen diberi salinan yang tidak disunting untuk melakukan apa yang mereka suka.

Tindage berkata, pasukannya terpaksa menyunting rakaman untuk mengisi waktu siaran selama sejam yang diperuntukkan.

Pengarah Kumpulan Berita ABS-CBN, David Santa Ana, berkata stesennya tidak sekadar menyiarkan rakaman temu bual itu. "Kami menggunakannya untuk program lain," katanya.

Tidak seorang pun pemimpin terbabit diberikan soalan terlebih dulu, tidak ada peraturan apa yang boleh ditanya dan apa yang tidak boleh ditanya, jadi, In Conversation, tidak ada masalah kredibiliti, kata Chamil.

"Oleh kerana tetamu program itu ialah ketua negara dari rantau ini dan kerana mereka bukan ditemu bual oleh CNN atau BBC, ia tidak membayangkan yang program itu bertujuan mengampu pemimpin terbabit," katanya.

Beliau mengaku, walaupun berkaitan dengan nilai sosial rantau Asia Tenggara, sesetengah orang Barat tidak mendapati siaran itu seperti yang mereka suka.

"Saya harus tekankan yang pendekatan kami dalam In Conversation bukan bersifat berlawanan, konfrontasi atau peperangan. Perdana Menteri Malaysia dan Thailand serta pemimpin lain adalah tetamu program. Mereka tidak

dibicarakan oleh media apabila mereka muncul," katanya.

Penganalisis media juga menyokong program itu. "Selagi ia tidak membosankan, ia akan menarik orang ramai untuk membanding mutu pemimpin mereka dengan pemimpin negara lain," kata Desi Anwar, bekas penyampai berita Indonesia yang kini menjadi penasihat kepada Metro TV, siaran berita 24 jam pertama negara itu.

Chamil berkata, jika In Conversation menunjukkan kejayaan, beliau akan meneruskan dengan fasa kedua, program yang dinamakan Asia Report.

"Ia seakan-akan Laporan Dunia CNN dan membabitkan semua stesen menyumbang laporan dari negara masing-masing untuk rancangan berita (rencana) setiap bulan," katanya.

Idea lain ialah membabitkan perkongsian sumber manusia dan teknikal. Beliau juga masih belum pasti bagaimana untuk membabitkan negara Asean lain seperti Brunei, Myanmar, Kemboja, Laos, Singapura dan Vietnam yang kebanyakannya kekurangan industri televisyen swasta.

(END)